



## **CONTOH PERLEMBAGAAN BAGI PERTUBUHAN / CONSTITUTION TEMPLATE FOR SOCIETY**

### **PENDAHULUAN / INTRODUCTION**

1. Contoh perlembagaan ini dikeluarkan dengan tujuan membantu orang ramai yang ingin menubuhkan pertubuhan menggubal perlembagaan pertubuhannya mengikut kehendak Akta Pertubuhan, Penggal 203. Contoh ini disediakan bagi pertubuhan berpandukan kepada Jadual 2, Akta Pertubuhan, Penggal 203 dan kehendak-kehendak Pejabat ini.

*The constitution template is issued to assist public who intend to register their societies in drafting their constitution in accordance with the Societies Act, Chapter 203. The constitution template provided is based on provisions listed in Second Schedule, Societies Act, Chapter 203 and requirements of Registry of Societies.*

2. Contoh perlembagaan ini adalah sebagai panduan dan boleh disesuaikan mengikut kehendak dan keperluan pertubuhan. Walaupun begitu sebarang perubahan hendaklah tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan yang wajib sebagaimana dicatatkan dalam Jadual 2, Akta Pertubuhan, Penggal 203. Adalah diharapkan contoh ini dapat digunakan oleh orang ramai yang terlibat dalam penubuhan pertubuhan untuk tujuan membuat permohonan bagi mendaftarkan pertubuhan mereka.

*The constitution template is a guideline and may be adapted according to society's needs and requirements. However, any changes must not be conflicted with any provisions listed in Second Schedule, Chapter 203. The constitution template is hoped to be used by public for the purpose of registering their new society.*

3. Perlembagaan yang dihadapkan ke Pejabat Pendaftaran Pertubuhan hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Presiden dan Setiausaha

*The constitution submitted to Registry of Societies must be verified and signed by President and Secretary.*

4. Sila beri ruang dua (2) inchi kosong di sebelah bawah kanan di setiap muka surat perlembagaan.

*Please allocate an empty space atleast two (2) inch on the right bottom side of each of constitution pages.*

Dikeluarkan oleh / Issued By:

PENDAFTARAN PERTUBUHAN / REGISTRY OF SOCIETIES

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# **PERLEMBAGAAN BAGI PERTUBUHAN / SOCIETY'S CONSTITUTION FOR**

---

(NAMA PENUH PERTUBUHAN / SOCIETY NAME)

## **KANDUNGAN / CONTENT:**

FASAL / CLAUSE 1:	NAMA / NAME
FASAL / CLAUSE 2:	ALAMAT BERDAFTAR / REGISTERED ADDRESS OR PLACE OF BUSINESS
FASAL / CLAUSE 3:	LAMBANG / LOGO
FASAL / CLAUSE 4:	TUJUAN-TUJUAN / OBJECTIVES
FASAL / CLAUSE 5:	KEAHLIAN / MEMBERSHIP
FASAL / CLAUSE 6:	PERUNTUKAN UMUM MENGENAI KEAHLIAN / GENERAL REQUIREMENTS FOR MEMBERSHIP
FASAL / CLAUSE 7:	PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN KEAHLIAN / CESSATIONS AND DISMISSAL OF MEMBERS
FASAL / CLAUSE 8:	BAYARAN MASUK DAN KEAHLIAN / SUBSCRIPTION AND MEMBERSHIP FEES
FASAL / CLAUSE 9:	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN / ANNUAL GENERAL MEETING
FASAL / CLAUSE 10:	AHLI JAWATANKUASA / EXECUTIVE COMMITTEE MEMBERS
FASAL / CLAUSE 11:	TANGGUNGJAWAB AHLI-AHLI JAWATANKUASA TADBIR / DUTIES AND RESPONSIBILITIES OF COMMITTEE MEMBERS
FASAL / CLAUSE 12:	MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA / EXTRAORDINARY GENERAL MEETING
FASAL / CLAUSE 13:	KEWANGAN / FINANCE
FASAL / CLAUSE 14:	PEMERIKSA KIRA-KIRA (JURUAUDIT) / AUDITORS
FASAL / CLAUSE 15:	LARANGAN / RESTRICTION
FASAL / CLAUSE 16:	PINDAAN PERLEMBAGAAN / AMENDMENT OF CONSTITUTION
FASAL / CLAUSE 17:	PEMBUBARAN / CANCELLATION OF REGISTRATION
FASAL / CLAUSE 18:	PENGGABUNGAN / AFFILIATION
FASAL / CLAUSE 19:	CAWANGAN / BRANCHES
FASAL / CLAUSE 20:	PERTIKAIAN / DISPUTE

## JADUAL KEDUA

### (Bab 60)

#### **PERLEMBAGAAN DAN ATURAN-ATURAN PERTUBUHAN**

1. Perkara-perkara yang baginya peruntukan-peruntukan hendaklah dibuat dalam perlembagaan atau aturan-aturan bagi tiap-tiap pertubuhan atau cawangannya adalah seperti berikut:
  - (a) nama dan tempat irisan berdaftar atau alamat pos berdaftar pertubuhan;
  - (b) perihalan yang betul mengenai reka bentuk dan warna apa-apa bendera, lambang, lencana atau tanda lain yang digunakan oleh pertubuhan itu;
  - (c) tujuan-tujuan atau matlamat-matlamat pertubuhan itu ditubuhkan, atau yang pertubuhan itu berusaha hendak mencapainya, atau yang kerananya dananya atau mana-mana daripadanya boleh digunakan;
  - (d) kelayakan-kelayakan untuk menjadi ahli, termasuk butir-butir sebarang sekatan atau batasan yang boleh dikenakan tentang bilangan, had umur, jantina, agama, bangsa, kerakyatan, tempat tinggal, suku bangsa atau nama keluarga orang-orang yang boleh diterima menjadi ahli pertubuhan itu ;
  - (e) cara lantikan atau pemilihan ahli-ahli;
  - (f) komposisi atau cara lantikan jawatankuasa atau badan pentadbiran dan jawatan-jawatan, kuasa-kuasa dan tugas-tugas pemegang jawatan dalam pertubuhan itu dan jika berkenaan cawangan-cawangannya;
  - (g) bahawa, jika Pendaftar menghendaki demikian, pemegang jawatan dalam pertubuhan itu dan setiap pegawai yang melaksanakan tugas-tugas eksekutif dalam pertubuhan itu hendaklah warganegara Negara Brunei Darussalam;
  - (h) sumber-sumber yang darinya pertubuhan itu akan memperoleh pendapatannya, termasuk kadar-kadar dan cara membuat bayaran masuk dan yuran berkala sebagaimana yang mungkin diputuskan;
  - (i) kuasa atau kuasa-kuasa untuk melakukan perbelanjaan dari dana pertubuhan itu;
  - (j) penyimpanan akaun pendapatan dan perbelanjaan pertubuhan itu dan penyiaran akaun kepada ahli-ahlinya pada tiap-tiap tahun;
  - (k) lantikan seorang juruaudit atau lebih;
  - (l) korum yang dikehendaki untuk menjalankan urusan dalam sebarang mesyuarat pertubuhan itu atau badan pentadbirannya; dan
  - (m) cara meminda dan cara bagaimana perlembagaan atau aturan-aturan pertubuhan itu boleh dipinda.
2. (1) Jika suatu pertubuhan adalah persatuan politik, perlembagaan atau aturan-aturannya hendaklah, sebagai tambahan kepada perkara-perkara yang disebut dalam perenggan 1, mengadakan peruntukan bahawa –
  - (a) Setiap ahli pertubuhan itu, setiap pegawai yang melaksanakan tugas-tugas eksekutif dalam pertubuhan itu dan setiap penasihat, kepada pertubuhan itu hendaklah warganegara Negara Brunei Darussalam; dan
  - (b) Setiap ahli hendaklah mempunyai hak untuk mengundi dan adalah layak untuk memegang jawatan dalam jawatankuasa atau badan pentadbir dalam pertubuhan itu.

(2) Dalam perenggan ini, “persatuan politik” termasuk mana-mana pertubuhan yang diisytiharkan oleh Menteri, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, sebagai suatu persatuan politik.
3. Jika mana-mana pertubuhan berdaftar membuat peruntukan dalam perlembagaan atau aturan-aturannya bagi penubuhan cawangan-cawangan maka pertubuhan itu hendaklah juga membuat peruntukan di dalamnya berkenaan dengan kaedah dan cara bagaimana penubuhan cawangan-cawangan itu akan diluluskan oleh pertubuhan itu atau badan pentadbirnya.

## **SECOND SCHEDULE**

### **(Section 60) CONSTITUTION AND RULES OF SOCIETIES**

1. Matters for which provisions shall be made in the constitution or rules of every society or a branch thereof shall be as follows -
  - (a) the name and registered place of business or registered postal address of the society;
  - (b) an accurate description of the design and colours of any flag, emblem, badge or other insignia used by the society;
  - (c) the aims or objects for which the society is formed, or which it may pursue, or for which its funds or any of them may be used;
  - (d) the qualifications for membership, including particulars of any restriction or limitations that may be imposed as to the numbers, age limits, sex, religion, race, nationality, dwelling place, clan or surname of persons who may be admitted to membership of the society;
  - (e) the method of appointment or election of members;
  - (f) the composition and method of appointment of the committee or governing body and the designations, powers and functions of the office bearers of the society and where applicable the branches thereof;
  - (g) that, if the Registrar so requires, the office-bearers of the society and every officer performing executive functions in such society shall be citizens of Brunei Darussalam;
  - (h) the sources from which the society shall derive its income, including the rates and method of payment of such entrance fees and periodical subscriptions as may be decided upon;
  - (i) the authority or authorities for expenditure from the funds of the society;
  - (j) the keeping of accounts of the income and expenditure of the society and the publication of such accounts to its members annually;
  - (k) the appointment of one or more auditors;
  - (l) the quorum required for the transaction of business at any meeting of the society or its governing body; and
  - (m) the manner by and in which the constitution or rules of the society may be amended.
2. (1) Where a society is a political association, the constitution or rules thereof shall, in addition to matters referred to in paragraph 1, provide that –
  - (a) every member of the society, every officer performing executive functions in such society and every adviser, to such society, shall be citizens of Brunei Darussalam; and
  - (b) every member shall have a right to vote and shall be eligible to hold office in the committee or governing body in the society.

(2) In this paragraph, “political association” includes any society which the Minister may, by order published in the Gazette, declare to be a political association.
3. Where any registered society makes provision in its constitution or rules for the establishment of branches it shall in addition also provide therein for the method and manner by which the establishment of such branches shall be approved by the society or its governing body.